

**TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATUK HJ. AB. GHAFFAR BIN A. TAMBI  
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (KEBUDAYAAN)  
KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN  
KEBUDAYAAN MALAYSIA**

**SEMPENA  
MAJLIS PERASMIAN  
“WACANA BUSANA LAMBANG KETAMADUNAN  
MELAYU”**

**PADA  
22 OKTOBER 2016**

**AUDITORIUM  
JABATAN MUZIUM MALAYSIA  
KUALA LUMPUR**

Assalamualaikum Warahmatullahitaala Wabarakatuh.

Yang Berusaha Encik Kamarul Baharin bin A.Kasim  
Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia

Yang Berbahagia Saudara Radzi Sapiee  
Presiden dan Pengasas HIKMAH (Himpunan  
Kedaulatan Melayu Islam Akhir Zaman)

Yang Mulia Tengku Ahmad Ridhauddin bin Tengku  
Abdul Razak  
Aktivis Budaya bersama HIKMAH

Pegawai-pegawai kanan Jabatan Muzium Malaysia

Dato' dato', datin datin

Guru-guru utama persilatan, guru-guru kanan daripada semua persatuan silat terutama para peneraju dan ahli persatuan DSSM (Dunia Seni Silat Melayu) Selangor, Malaysia

Tuan-tuan dan puan-puan serta hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

Alhamdulillah. Saya ingin melahirkan rasa kesyukuran dan gembira kerana dapat bersama dalam majlis yang sangat bermakna ini, iaitu majlis yang bertujuan untuk mengangkat kembali ketamadunan dan jati diri orang Melayu dengan cara menghidupkan kembali cara pakai busana tradisional Melayu. Jarang sekali kita dapat melihat begitu ramai anak Melayu berpakaian sebegini kecuali mungkin dalam majlis-majlis adat, silat atau ketika aktiviti di gelanggang. Melihat kehadiran dato'-dato, tuan-tuan dan puan-puan serta para hadirin sekalian pada majlis yang mengutamakan pengisian ilmu ini, seperti memberikan

imbasan akan zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka 500 tahun lalu.

**Hadirin-hadirat yang dihormati sekalian,**

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia sangat mengalu-alukan majlis-majlis sebegini. Sebagai badan kerajaan yang bertanggungjawab menjaga keutuhan budaya rakyat Malaysia terutama bagi bangsa Melayu tentu kami amat berbangga apabila melihat masih ada golongan yang sanggup berusaha untuk menghidupkan cara berpakaian atau berbusana tradisional Melayu. Turut harus dihidupkan adalah perkara-perkara yang berkait dengannya seperti adat, falsafah dan adab dalam berpakaian luar dan 'dalam'. Semua ini membentuk apa yang boleh dipanggil sebagai ketamadunan dan jati diri Melayu.

Sejarah panjang bangsa Melayu seperti yang tercatat dalam kitab besar Sulalatus Salatin karangan Bendahara Johor awal abad ke-17, Tun Sri Lanang menunjukkan orang Melayu sudah lama memiliki tahap ketamadunan yang tinggi. Kota Melaka yang pernah menjadi tumpuan pedagang serata dunia disebut penulis-penulis Barat sebagai Venice of the East itu sudah cukup untuk menunjukkan tahap ketinggian tamadun orang Melayu.

### **Hadirin-hadirat yang dihormati sekalian,**

Zaman kegemilangan KeSultanan Melayu Melaka abad ke-15 membawa ke awal abad ke-16 Masihi sebenarnya menimbulkan kecemburuan ramai pihak luar. Pada zaman itu kota Venice yang terletak di Italy merupakan kota perdagangan paling makmur di Eropah. Jolokan Kota Melaka sebagai Venice of the East menggambarkan ia sebagai setara dengan Venice kalau tidak pun lebih makmur. Kota Melaka

memiliki kedudukan strategik yang sangat penting dalam geo-politik dunia sehingga ada penulis Portugis menyebut : “Whoever holds Melaka holds the throat of Venice”. Terjemahan ke dalam bahasa Melayu : “Sesiapa yang memegang Melaka mencekak tekak Venice”.

Ini membayangkan kemakmuran kota Venice yang tersohor di benua Eropah ketika itu amat bergantung dengan apa yang berlaku di Melaka. Melaka begitu makmur sehingga disebut 84 bahasa dituturkan di pasar Melaka. Adalah mustahil kota perdagangan dan pelabuhan yang menyaksikan begitu ramai orang daripada pelbagai bangsa dunia berkumpul setakat memiliki tahap tamadun yang biasa-biasa sahaja.

Namun ketamadunan tidak harus dilihat semata-mata daripada segi pencapaian material, kekayaan, pembinaan gedung-gedung besar dan sebagainya.

Ketamadunan juga dapat dibayangkan melalui cara pemakaian busana, cara kita membawa diri di hadapan masyarakat umum, cara kita berpegang pada adat istiadat, adab dan falsafah diri. Saya difahamkan ideal-ideal tinggi sebegini memang sedia wujud dalam cara pemakaian tradisional orang Melayu. Dari hujung rambut sehingga hujung kaki, daripada cara pakai tanjak dan jenis-jenisnya, cara pakai baju, seluar, bengkung, kedudukan keris dan sebagai semuanya mengandungi falsafah dan cerita yang memberikan gambaran akan betapa tingginya ketamadunan orang Melayu.

### **Hadirin-hadirat yang dihormati sekalian,**

Saya diberitahu sejak beberapa tahun kebelakangan, wujud gerakan-gerakan berkumpulan yang cuba menghidupkan kembali cara lama berpakaian busana tradisional Melayu itu. Mereka sanggup pergi ke majlis-majlis umum berpakaian

begini, bersampin, bertanjak dan berkeris dengan niat muhu menunjukkan kepada dunia bahawa orang Melayu memiliki cara pakaian asalnya yang tersendiri. Mereka merasa bangga berpakaian tradisional kerana percaya ia melambangkan ketinggian budi bicara orang Melayu dan ketamadunannya. Kata mereka, jika orang Arab boleh berbangga berubah berserban ke luar negara, orang Afrika juga dengan cara berpakaian mereka, apakah salahnya orang Melayu menghidupkan kembali cara berpakaian asal mereka sebagai satu identiti jati diri yang harus dihormati masyarakat dunia?

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan amat mengalu-alukan usaha-usaha sebegini. Jabatan Muzium Malaysia yang terletak di bawah bidang kuasa kementerian adalah satu institusi yang wajar dijadikan rujukan kerana sudah lama merekodkan cara-cara berpakaian orang Melayu zaman demi zaman melalui pameran, penerbitan buku dan sebagainya.

Sememangnya menjadi peranan muzium untuk merekodkan perkara sebegini agar dapat dijadikan rujukan oleh sesiapa sahaja yang berminat. Adalah sesuatu yang menyegarkan dapat melihat Jabatan Muzium Malaysia sedia bekerjasama dengan gerakan-gerakan dan kumpulan persendirian, NGO-NGO budaya dan persilatan dalam menghidupkan kembali sesuatu yang dianggap oleh masyarakat secara umum sebagai sudah lama mati atau pupus.

### **Hadirin-hadirat yang dihormati sekalian,**

Majlis ilmu yang dipanggil “Wacana Busana Lambang Ketamadunan Melayu” ini menunjukkan betapa pihak kementerian melalui Jabatan Muzium Malaysia bersedia untuk bersama bergerak ke hadapan dalam menghidupkan budaya bangsa demi agama dan negara. Sudah sampai masanya apa yang direkodkan melalui pameran-pameran dalam muzium dapat diterjemahkan kembali menjadi sesuatu

yang segar sampai bila-bila. Cara pemakaian lama Melayu tidak harus tersimpan sebagai suatu perkara yang telah mati atau ketinggalan zaman. Ia harus dihidupkan kembali sebagai suatu yang relevan tak kira betapa kuatnya kita dilanda arus kemodenan zaman.

### **Hadirin-hadirat yang dihormati sekalian,**

Wacana ini datang tepat pada masanya. Disertai momentum Pameran Songket Asean yang baru dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Almutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj. Ia harus dapat memberikan impak dan pencerahan yang dapat membuka banyak mata. Saya difahamkan para aktivis busana melalui HIKMAH turut dijemput terlibat sama semasa majlis perasmian yang disempurnakan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang pada hari

Selasa, 18 Oktober 2016 yang lalu dan memberikan nilai tambah yang menarik kepada majlis. Selain itu saya dimaklumkan bahawa Majlis Perasmian Pameran Songket ASEAN itu merupakan antara majlis paling gemilang anjuran muzium untuk tahun 2016.

**Hadirin-hadirat yang dihormati sekalian,**

Kesediaan Jabatan muzium Malaysia untuk bersama menganjurkan majlis ilmu dengan HIKMAH juga merupakan suatu kelainan yang menyegarkan. Pengajuran majlis ilmu bersama HIKMAH menunjukkan kesediaan Jabatan Muzium Malaysia untuk bersama gerakan-gerakan persendirian dan kumpulan yang memiliki matlamat dan objektif untuk melestarikan kebudayaan dan ketamadunan bangsa secara ilmiah. Semoga kerjasama ini dapat dipanjangkan melalui pelbagai program yang bermanfaat pada masa akan datang. Saya juga yakin bahawa melalui program seumpama ini, jati diri

bangsa akan dapat diperkuatkan lagi seterusnya dapat menyelesaikan masalah social yang melanda golongan remaja. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua pihak yang bertungkus lumus dalam menjayakan program pada hari ini, khasnya Jabatan Muzium Malaysia dan Persatuan HIKMAH. Akhir kata, dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan “Wacana Busana Lambang Ketamadunan Melayu”.**

Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.